

Pendidikan Kerohanian Dalam Kitab Turath Jawi Siyar al-Salikin

Spiritual Education in Turath Jawi Siyar al -Salikin

Shohana Hussin

¹Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia;

Article progress

Accepted: 4 Mac 2020

Reviewed: 4 April 2020

Published: 31 Mei 2020

*Corresponding author:
Shohana Hussin, Universiti
Sains Malaysia, Pulau Pinang,
Malaysia;
Email: shohana@usm.my

Abstrak: Pendidikan kerohanian adalah satu aspek tujuan yang menentukan kejayaan sesuatu matlamat pendidikan berjaya dihasilkan. Kebanyakan pendekatan pendidikan pada masa kini menyasarkan elemen pendidikan dari aspek akademik, intelektual, sains, teknologi dan kemahiran. Manakala aspek kerohanian dan kejawaan yang menjadi asas paling utama dalam pembinaan sahsiah, adab, peribadi dan jati diri bangsa sering dikesampingkan. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji konsep, proses, kaedah dan pendekatan pendidikan kerohanian dalam kitab jawi Siyar al-Salikin yang telah lama menjadi kitab turath dalam bidang pendidikan tradisional masyarakat Melayu di Nusantara. Kajian ini menggunakan metodologi analisis kandungan melalui pendekatan teks deduktif. Dapatkan menunjukkan bahawa kitab Siyar al-Salikin adalah satu kitab turath warisan yang mempunyai nilai ilmu pendidikan yang tinggi dalam sejarah pembentukan watak bangsa Melayu Islam di Nusantara. Pendidikan kerohanian yang terkandung dalam kitab turath ini membentangkan konsep pendidikan kerohanian, tahapan, proses dan kaedah pendidikan serta amalan pendidikan kerohanian terbaik dalam membangunkan modal insan yang sempurna. Dengan itu, hasil dapatkan kajian ini selayaknya dapat diupayakan sebagai salah satu sumber rujukan dalam pembinaan modul dan kaedah pendidikan serta pengajaran dalam aliran sistem pendidikan perdana.

Keywords: Pendidikan; kerohanian; kitab turath jawi; Siyar al-Salikin;

Abstract: Spiritual education is a factor that determines the successful of educational goal. Most of the educational approaches currently focus on academic, intellectual, scientific, technological and skills elements. While the spiritual and soul aspects that are fundamental to the development of the personality, the manners of the nation are often overlooked. The aim of this study is therefore to examine concepts, processes, methods and approaches to spiritual education in the book Siyar al-Salikin, which has long been a book in the field of education in the traditional Malay Archipelago. The study uses content analysis methodology through a deductive text approach. The findings indicate that the book Siyar al-Salikin is a legacy of higher education in the history of the formation of the character of Islam in the Malay Archipelago. The spiritual education in this book presents the concepts of spiritual education, the stages, processes and methods of education, as well as the best practices of spiritual education in the development of perfect human capital. The findings of this study should therefore serve as a source of reference for the development of educational modules and methods, as well as for teaching in the mainstream education system.

Keywords: Education; spiritual; book turath jawi; Siyar al-Salikin

Pengenalan

Pendidikan kerohanian merupakan teras utama yang mendasari sistem pendidikan dalam Islam. Matlamat pendidikan dalam Islam bertujuan membentuk akhlak terpuji, mencapai takwa dan berperilaku positif (amal soleh) yang akhirnya dapat membentuk suatu konsep

manusia yang baik (al-Attas, 1991;2018). Penumpuan pendidikan Islam yang mementingkan aspek kerohanian dan spiritualiti sebagai asas pembentukan sistem nilai dan akhlak juga adalah sebahagian dari kesempurnaan iman (Glenn Hardaker, 2019). Bertolak dari asas kepentingan tersebut, makalah ini bertujuan mengkaji konsep, kaedah dan proses pendidikan kerohanian dalam kitab jawi *Siyar*

al-Salikin yang telah dua abad lamanya menjadi kitab turath dalam bidang pendidikan tradisional masyarakat Melayu di Nusantara, khususnya dalam mengerak usaha para pendidik membangunkan modal insan muslim yang sempurna.

Kitab Turath Jawi *Siyar Al-Salikin*

Siyar al-Salikin atau judul penuhnya *Siyar al-Salikin ila 'ibadatil 'Alamin* adalah kitab turath Jawi yang boleh diangkat sebagai karya agung Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dalam bidang tasawuf. Sebahagian besar isi kandungan kitab ini merupakan terjemahan daripada *Lubabul Ihya* iaitu ringkasan kitab *Ihya Ulumuddin* yang dikarang oleh Imam al-Ghazali yang terkenal dalam dunia kesarjanaan Islam. Sebagaimana kitab *Ihya*, kitab *Siyar al-Salikin* terdiri daripada 4 juzuk (bahagian) yang dibahagikan mengikut topik perbincangan yang berbeza. Juzuk pertama yang ditulis sekitar 1194H/1780M di Mekah membincangkan ilmu *usuluddin* dalam perkara berkaitan ibadat yang zahir. Juzuk kedua membentangkan hukum dan adab dalam menyantuni kehidupan seharian yang selesai ditulis pada 1195H/1781M di Thaif. Sementara juzuk ketiga menyatakan *muhlikat* yakni perkara-perkara yang membinasakan amal berjaya diselesaikan pada tanggal 1197H/1788M di Mekah. Akhirnya pada 1203H/1788H bertempat di Thaif, juzuk keempat berjaya disiapkan bagi menjelaskan *munjiyat* iaitu perkara-perkara yang melepaskan (menyelamatkan) sekalian amal. (PNM, 1997-2015).

Menurut pengkaji kitab-kitab turath Jawi, kandungan kitab *Siyar al-Salikin* bernilai tinggi kerana kupasan ilmunya bersifat ilmiah, mantap dan tetap relevan untuk dijadikan panduan generasi kini (Wan Muhamad Saghir, 1996, Megawati, 2011) Meskipun sudah berusia hampir 200 tahun, kitab ini masih dicetak dan beredar di pasaran kitab hingga kini bagi memenuhi keperluan pendidikan kerohanian dalam bidang tasawuf yang berlangsung di masjid, pondok dan pasentran di hampir keseluruhan wilayah Alam Melayu. Kepentingan dan peranan kitab Jawi seumpama *Siyar Salikin* dalam konteks sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu juga sangat besar. Ini kerana kitab turath Jawi sememangnya telah lama digunakan oleh masyarakat Melayu sebagai salah satu sumber ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan Islam. Hal ini kerana bahasa penyampaiannya lebih dekat dengan medium perantaraan bahasa tempatan serta penerimaan baik hasil penulisan dari pengarangnya juga yang rata-ratanya berasal dari rumpun setempat. (Shohana Hussin, 2011)

Metodologi

Kajian ini berbentuk deskriptif yang dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan.

Metodologi kajian ini bersesuaian untuk menganalisis kaedah dan proses pendidikan kerohanian yang terkandung dalam manuskrip kitab turath Jawi yang dipilih. Kaedah kualitatif berbentuk analisis teks dan kandungan digunakan bertujuan menjelaskan secara terperinci setiap elemen dan aspek pendidikan kerohanian yang terkandung dalam kitab *Siyar al-Salikin*.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Konsep Pendidikan

Konsep pendidikan yang ditekankan dalam kitab *Siyar al-Salikin* terkait langsung dalam perbincangan mengenai konsep manusia dan Tuhan. Konsep pendidikan yang terbina dalam kitab ini menekankan falsafah tentang manusia yang perlu melalui proses pembersihan logam diri (*nafs*) dari segala sifat kotor serta mengubahnya menjadi jiwa yang bersih dan suci. Proses ini perlu dilaksanakan melalui jalan ilmu kerohanian atau secara umumnya dikenali sebagai ilmu tasawuf. Hanya melalui proses ini tujuan setiap pencarian ilmu pengetahuan yang bermanfaat akan membentuk individu yang beradab dan berakhhlak mulia. Matlamat terakhir dalam pendidikan kerohanian ialah mengetahui semua benda melalui Tuhan (*makrifat Allah*). Hal ini diungkapkan dalam teks kitab:

Adalah *qasad* orang yang belajar itu semata-mata kerana Allah Taala yakin kerana menjunjung titah Allah Taala dan kerana negeri akhirat dan kerana membaikkan zahirnya itu dengan ibadat kepada Allah Taala dan membaikkan batinnya yakni hatinya itu dengan bersifat dengan sifat kepujian, dan menyucikan daripada segala kecelaan serta hadir kepada Allah Taala dan yang demikian itu menyampaikan kepada *makrifat* Allah Taala dan kepada martabat yang tinggi (*Siyar 3:15*).

Matlamat pendidikan kerohanian Islam juga jelas dibentangkan dalam petikan kandungan teks kitab tersebut yang mengariskan tujuan utama sebarang bentuk pembelajaran dan pendidikan perlulah dipastikan hanya kerana Allah Taala. Qasad atau niat ini perlu dibina atas keyakinan dan keimanan adanya hari akhirat sebagai hari pembalasan yang akan mengadili setiap tindakan yang dilakukan di alam dunia. Manakala modus operandi untuk memperbaiki tindakan zahir adalah melalui perlaksanaan ibadah yang disyariatkan oleh Allah. Sementara bagi memulihkan penyakit hati adalah melalui proses penyucian hati dari sifat-sifat keji (*mazmumah*) dan mengantikannya dengan sifat terpuji

(*mahmudah*) atau secara ringkasnya disebut (*tazkiyah al-nafs*).

Konsep pendidikan kerohanian dilanjutkan dalam kitab ini dalam konteks pembentukan *Insan Kamil* yang dijelaskan sebagai produk akhir dan tertinggi daripada proses pendidikan yang dilalui. Pengertian *Insan Kamil* diuraikan sebagai orang yang telah memperoleh *ma'rifatullah* (benar-benar mengenal Allah) (Siyar, 4:104-106) dan telah berjaya berada pada martabat nafsu *kamalah* (nafsu yang suci dan sempurna) (Siyar, 3:12).

Matlamat membentuk *Insan Kamil* dengan rujukan langsung kepada Nabi Muhamamad s.a.w. sebagai insan yang paling sempurna rohani dan akhlaknya adalah selari dengan tujuan *nubuwwah* Nabi Muhammad s.a.w. diutuskan sebagai Rasul dalam *mafhum hadis* baginda yang meriwayatkan “Sesungguhnya aku telah diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang baik” (Musnad Ahmad, 8595:137).

Penyempurnaan akhlak melalui pendidikan rohani merupakan konsep asas dalam kitab ini. Pendidikan rohani ditamsilkan sebagai satu bentuk perjalanan mencari kebenaran tentang kewujudan Allah. Hanya hati yang suci dan jiwa yang bersih akan dapat membimbing akal manusia kembali menyembah dan mentaati syariat Allah.

Tahapan Pendidikan

Berdasarkan analisis kandungan kitab ini membentangkan beberapa tahapan pendidikan yang perlu dilalui oleh seseorang individu yang bergelar penuntut ilmu atau pelajar. Secara terperinci tahapan tersebut boleh dikategorikan kepada tiga peringkat, iaitu tahap asas, tahap pertengahan dan tahap tinggi.

Tahap asas yang menjadi tahap pertama dalam pendidikan kerohanian kanak-kanak apabila mereka mencapai peringkat tamyiz. Pada tahap ini ibu bapa memainkan peranan penting dalam menanam nilai-nilai kebaikan dan menjauhkan nilai-nilai keburukan dalam jiwa anak-anak bagi membentuk peribadi yang mulia dan terpuji. Orientasi pendidikan yang berlangsung pada tahap ini adalah pendidikan berorentasikan nilai moral dan akhlak mulia yang dilaksanakan dalam suasana yang tidak formal. Asuhan berdasarkan contoh suri teladan adab mulia kemudiannya dilengkapkan dengan pendidikan formal kanak-kanak dengan penekanan kepada pengajian membaca dan menghafal al-Quran. Pengisihan sejarah kehidupan nabi-nabi dan orang soleh yang disampaikan melalui pengajian al-Quran dan Hadis pada tahap asas ini penting sebagai menanam keimanan kepada Allah Taala dan Rasul yang menjadi dasar akidah *Ahlu al-Sunnah wa al-Jamaah* (Siyar 1: 22-34).

Hal ini bertepatan dengan penekanan Rasulullah SAW tentang kepentingan pendidikan moral sebagai

pemberian paling berharga ibubapa kepada anak-anak (al-Tarmizi, 4:338) dan seruan baginda untuk mengelokkan adab dan akhlak anak-anak sebagai tanggungjawab atas kepada ibubapa (Ibn Majah 2:1211).

Pada tahap pertengahan, kanak-kanak yang mula mencapai umur baligh mula mendalamai ilmu secara lebih formal dan terkawal. Ini kerana pada peringkat umur ini, seseorang yang mencapai umur baligh sudah menerima *taklif* atau tanggungjawab menunaikan segala tuntutan agama. Justeru, pembahagian kurikulum pendidikan pada tahap ini telah dinampakkan dengan jelas melalui dua kategori ilmu yang disenaraikan sebagai ilmu *fardhu 'ain* (ilmu wajib) dan ilmu *fardhu kifayah* (ilmu pilihan). Malah penekanan mendahulukan menuntut ilmu *fardhu 'ain* mesti diutamakan sebelum ilmu *fardhu kifayah* (Siyar, 3:167).

Dalam perbincangan konteks ilmu ini juga, ilmu kerohanian yang disebutkan sebagai ilmu *tasawuf* disenaraikan sebagai ilmu *fardhu 'ain* yang menjadi kewajipan sepanjang hayat bagi setiap penuntut. Alasan kepada tuntutan ini turut dinyatakan bagi memperoleh matlamat mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Tanpa penguasaan ilmu *tasawuf*, seseorang yang mahir dalam ilmu-ilmu lain diandaikan mungkin terpedaya dengan ilmu yang mereka kuasai. Justeru perbincangan ilmu *tasawuf* yang mendalamai hal-hal kerohanian dan kejiwaan manusia diletakkan sebagai penentu kepada kejayaan proses pendidikan yang dilalui pada peringkat ini.

Lanjutan daripada tahap pertengahan yang berupa perbincangan secara teori ilmu *tasawuf*, maka tahap tinggi adalah bagi mereka yang ingin mendalamai ilmu kerohanian tersebut dan sudah bersedia mempraktikkannya. Pada tahap ini, individu tersebut dimestikan telah mahir dalam segala ilmu *fardhu 'ain* kerana bimbang ia tidak mampu memahami serta beramat segala ajaran ilmu *tasawuf* dengan sebenarnya (Siyar 3:42-43). Antara syarat-syarat lain yang perlu dipatuhi sebelum memasuki tahap tinggi ini ialah; bertaubat dari segala dosa zahir dan batin, menjauhi segala bentuk kemegahan dan kebesaran dunia, mencari harta sekadar keperluan diri dan tanggungan, mengakui kebenaran *tasawuf* meskipun terdapat aspek-aspek tertentu yang secara zahirnya bercanggah dengan uruf atau adat kebiasaan, mengamalkan wirid yang ditetapkan dan membanyakkan zikir kepada Allah (Siyar, 3:43-44).

Oleh kerana proses pendidikan pada setiap tahap ini begitu panjang dan ada keperluan khusus merujuk teks *tasawuf* tertentu sebagai rujukan, maka mereka yang sedang melalui proses pentahapan ini dibahagikan kepada tiga tahap pencapaian (*maqamat*); iaitu *mutbadi*, *mutawassit* dan *muntahi*. *Mutbadi* ialah golongan yang baru menjalani proses pendidikan, di mana hati mereka belum suci sepenuhnya dari maksiat batin seperti *riya'*, *ujub*, marah dan sebagainya (Siyar 3:176). *Mutawassit*

adalah golongan pertengahan pada tahap ini yang mana hati mereka telah suci dari segala maksiat zahir dan batin (Siyar 3:177). *Mutawassit* merupakan peringkat terakhir di mana jiwa mereka telah suci dari segala maksiat dan hatinya sentiasa mengingati Allah Ta’ala (Siyar 3:177). Untuk melalui setiap peringkat ini, satu bentuk disiplin yang ketat perlu dipatuhi di bawah penyeliaan dan pengawasan guru yang *mursyid*. Seseorang yang berada di tahap rendah juga dilarang mempelajari teks pada tahap yang tinggi atau tanpa bimbingan guru kerana bimbang fahamannya akan tersalah. Malah adab dan disiplin yang diamalkan pada tahap tertinggi biasanya tidak didedahkan kepada khalayak umum secara sewenang-wenangnya. (Siyar 3:183-184).

Proses Pendidikan

Proses pendidikan yang mendasari kitab *Siyar al-Salikin* ialah penumpuan kepada pembersihan jiwa (*tazkiyah al-nafs*). Pembentukan *nafs* atau nafsu keinginan dalam bentuk yang dinukilkkan dalam al-Quran sebagai *nafs al-ammarah* (al-Quran, 12:53), *nafs al-lawwamah* (al-Quran, 75:2) dan *nafs al-mutmainnah* (al-Quran, 89:27) dijadikan asas dalam melakar proses pendidikan kerohanian yang perlu dilalui oleh setiap insan dalam kitab *turath jawi* ini.

Pada kedudukan *nafs al-ammarah* yang secara semula jadi sentiasa mendorong manusia ke arah maksiat dan enggan menunaikan kebaikan tersebut dilihat sebagai halangan utama dalam proses pendidikan. Maka kitab ini menawarkan satu kaedah pembersihan jiwa secara bersungguh-sungguh dari kecelaan dosa zahir dan batin yang disebut sebagai *mujahadah* (Siyar, 3:45). Kecelaan dosa zahir dan batin yang disenaraikan dalam kitab ini termasuklah semua dosa-dosa besar yang dimaklumi dan ditambah mengekali berbuat maksiat dan putus asa dengan rahmat Allah (Siyar, 4:13).

Sebagai seorang *salik* iaitu individu yang menjalani ajaran *tasawuf* secara formal di bawah pengawasan dan bimbingan syeikh sepenuhnya (Siyar, 3:42-43) dikehendaki melalui proses pendidikan yang melibatkan aktiviti melatih dan membiasakan diri (*riyadah al-nafs*) dengan segala sifat terpuji di samping menjauhi segala sifat tercela (*tahalli*). Sepanjang proses *tazkiyah al-nafs* tersebut, seseorang *salik* perlu mengikat dirinya (*murabatah*) dengan mengekali amal ibadah (Siyar, 4:161).

Semasa menjalani peringkat *murabatah* (mengekali amal ibadah), masih terdapat enam adab dan disiplin pendidikan kerohanian yang mesti dilaksanakan, iaitu:

- i. *Musyaratah* ialah mensyaratkan dirinya dengan mengekali dalam menunaikan ibadah serta menjauhi segala maksiat zahir dan batin setiap masa (Siyar, 4:161).

- ii. *Muraqabah* iaitu sentiasa mengawasi diri dengan membuat ibadah di samping menjauhi pelakuan negatif samada dalam aspek masa atau tempat. (Siyar, 4:160). Martabat ini juga dikenali dengan *maqam ihsan* kerana konsep *ihsan* direalisasikan melalui ikhlas dalam setiap amalan samada ketika mengerjakan kebaikan atau meninggalkan keburukan (Siyar, 4:163).
- iii. *Muhasabah* ialah penilaian seseorang terhadap segala perbuatannya setiap hari. Seseorang itu seharusnya mempunyai satu waktu dalam kehidupan sehari-hari untuk menghisab serta bertaubat terutama apabila melakukan amalan maksiat (Siyar, 4:167-168).
- iv. *Mu’aqabah* atau menghukum diri dengan ibadat iaitu apabila seseorang menghisab perbuatannya dan terdapat amalan yang sia-sia atau maksiat hendaklah dia menghukum dirinya dengan membuat ibadah (Siyar, 4:169-170).
- v. *Mujahadah* ialah bersungguh-sungguh dalam menunaikan ibadah selepas menempuh empat martabat di atas. Bagi *salik*, hendaklah meminta dari gurunya supaya ditambah kepadanya amalan-amalan yang lain. Apabila seseorang itu merasa malas dalam ibadahnya, hendaklah dia meneliti dan mendengar dari hadis atau kisah tentang kelebihan ibadah atau bersahabat dengan mereka yang tekun dalam ibadahnya (Siyar, 4:170-171).
- vi. *Mu’atabah* ialah menyesal dengan perbuatan yang sia-sia di samping mencela diri kerana mengikut nafsu yang jahat (*nafs al-ammarah*), seterusnya menyolai diri dengan kelalaian yang dilakukan di-samping menyebut serta mengingati akan hukuman (akibat dosa) yang dahsyat dari Allah Taala (Siyar, 4:171-172).

Dalam proses untuk melepassi semua peringkat tersebut, seorang *salik* sentiasa diingatkan untuk sentiasa meneliti dan mengawasi aspek batin dalam bentuk lintasan hati (*khatir*) yang diterima sebelum melakukan sesuatu tindakan atau keputusan. Dinyatakan lintasan hati (*khatir*) yang boleh terjadi adalah dari jenis *khatir rabbani*, *khatir malaki*, *khatir nafsan* dan *khatir syaitani*. Perincian lintasan hati yang dapat dibezakan sumber dan pengaruhnya ini, menampakkan ketelitian

pengarang dalam membimbing hati yang menjadi akal budi setiap insan dalam membuat sebarang tindakan dan keputusan.

Kaedah Pendidikan

Kaedah atau pendekatan pendidikan yang dibentangkan dalam kitab ini ialah melalui kaedah ilmu dan amal yang diinterpretasikan melalui suatu konsep perjalanan ibadah kepada Allah SWT. Seseorang penuntut ilmu yang telah memenuhi syarat disiplin yang telah dibentangkan sebelum ini (*salik*), dibenarkan menjalani suatu perjalanan kerohanian yang berorientasikan ajaran *tasawuf* secara formal. Manakala matlamat akhir kepada perjalanan tersebut ialah untuk mencapai matlamat tertinggi dalam ilmu pengetahuan iaitu *mardatillah* (keredhaan Allah).

Kaedah penyucian hati dan menundukkan nafsu diungkapkan secara sistematik dalam kitab ini melalui metod tujuh tingkatan nafsu. Ia bermula dari tahap *nafsu ammarah*, lalu *lawwamah*, kemudian *mulhamah* yang dilanjutkan kepada *mutmainnah*. Seterusnya *radiah* dan berakhir dengan *kamalah* (Siyar, 3: 8-12). Setiap nafsu pada setiap peringkat mempunyai karakter dan sifatnya yang tersendiri yang bertujuan membimbang nafsu dan keinginan manusia agar dapat tunduk kepada syariat agama sehingga memperolehi *makrifat* dan *hakikat*.

Kaedah utama yang diberikan kepada salik ialah agar kekal dalam pelaksanaan ibadah dan syariat Islam secara ikhlas dan bersungguh-sungguh. Hal ini perlu dititik beratkan kerana melalui proses ibadah dan *tazkiyah al-nafs* yang sedemikian sahaja, mampu meningkatkan ketaqwaan dan *nafs* serta tahapannya dari tingkat terkebawah (*ammarah*) hingga yang tertinggi (*kamalah*).

Selain kaedah penguasaan nafsu secara berperingkat, kitab ini juga membentangkan kaedah pendidikan yang khusus bagi hati melalui perjalanan menempuh *maqamat*. *Maqamat* ialah perhentian-perhentian spiritual yang menjadi asas utama dalam membentuk kesempurnaan insan. Kaedah *maqamat* dianjurkan sebagai suatu kaedah khusus bagi merawat spiritual seseorang yang dijangkiti oleh penyakit rohani (hati). Terdapat sepuluh *maqamat* yang perlu dilalui dalam proses penyucian hati iaitu taubat, sabar, syukur, *khauf*, *mahabbah*, *zuhud*, *tawakkal*, redha, mengingati mati dan ikhlas. Manakala untuk menghindari penyakit hati yang disebut sebagai maksiat batin juga ada sepuluh sifat, iaitu suka makan berlebihan, keterlaluan bercakap, pemarah, dendki (*hasad*), kedekut, sukakan kemegahan, cinta dunia, *takabbur*, *ujub* dan *riya'* (Siyar, 3: 17-18). Apabila *tazkiyah al-nafs* yang berlaku dalam dua dimensi tindakan iaitu menyucikan maksiat batin (penyakit hati) dan menyuburkan taat batin (*maqamat*), maka terbentuklah pada diri seseorang hati yang suci dan berkeperibadian akhlak mulia yang diredai Allah SWT.

Penganjuran ibadah sebagai mekanisme perlatihan jiwa dan rohani adalah suatu *manhaj* bernilai praktikal yang menghubungkan insan dengan Pencipta. Sistem ibadah yang dituntut dalam kitab ini meliputi kewajipan ibadah bernilai fardhu atau wajib dan penekanan kepada ibadah-ibadah sunat seperti puasa, *qiyam al-layl* (menghidupkan malam dengan ibadah), *berkhawlath* (menyendiri untuk beribadah) dan *zikirullah* (mengingati Allah). Keistimewaan zikir ialah sebagai satu cadang ibadah yang mampu mendekatkan hamba dengan Pencipta. Ini kerana zikir merupakan satu bentuk interaksi yang berkesan dalam merasai keberadaan tuhan dalam setiap detik dalam kehidupan seseorang hamba (Siyar, 4: 42-43). Malah zikir dan semua bentuk ibadah sunat sebagai metod pengisihan diri dan penyucian hati (*tazkiyah al-nafs*) adalah pendekatan *tasawuf* yang umum diterima pakai dalam *tarekat* dan kalangan ulama sufi yang berasal dari sumber al-Quran dan Sunnah (Che Zarina, 2007).

Selain itu, berguru dengan syeikh (guru) yang telah memahami rahsia *tasawuf* dan mempunyai teman yang bersama-sama dalam menjalani proses pendidikan kerohanian turut diletakkan sebagai kaedah pendidikan kerohanian yang perlu dijalani oleh setiap penuntut ilmu berkenaan (Siyar, 3:43). Tujuan kaedah yang berupa syarat dalam mendalamai ilmu ini diletakkan bagi menjaga amalan dan latihan penyucian jiwa yang dijalani tetap berada dalam landasan ajaran Islam yang benar.

Kaedah pendidikan yang digalurkan dalam kitab ini mengandungi tiga disiplin pendidikan yang jelas iaitu wujudnya proses mempelajari ilmu (kognitif), mempraktis nilai (afektif) dan penghayatan akhlak mulia (menjadikan sifat bersebat dengan diri). Pendekatan sistem pendidikan yang berteraskan ibadah dan amal salah yang konstruktif ini dilihat mampu membentuk insan berakhhlak mulia yang kemurnian cermin hatinya mampu mengetahui sesuatu ilmu melalui kebenaran Allah SWT (*makrifatullah*).

Kesimpulan

Kitab *turath jawi Siyar al-Salikin* ini merupakan sebuah kitab *tasawuf* yang menjelaskan banyak aspek pendidikan kerohanian yang tersirat. Karya ini merupakan salah satu teks pendidikan kerohanian Islam yang sangat sesuai untuk diambil isi-isi pentingnya dan menjadi dasar panduan perlatihan kerohanian yang sah dari sudut syariat Islam. Aspek pendidikan terpenting seperti konsep pendidikan, tahapan, proses dan kaedah pendidikan kerohanian yang dihuraikan dalam kitab ini selayaknya menjadi rujukan kepada mana-mana institusi pendidikan Islam khususnya di Alam Melayu. Walaupun isi kandungan perbincangannya pada bahagian akhir kitab ini hampir melewati batas falsafah teologi, akan tetapi secara selektif kitab ini mampu menjelaskan

dengan baik asas-asas yang meliputi beberapa pengetahuan yang harus dimiliki seorang Muslim agar tidak salah dalam melalui proses pendidikan berbentuk spiritual dan kerohanian. Analisis kandungan penulisan kitab seperti ini adalah sangat penting mutakhir ini bagi menawarkan salah satu cara merawat ancaman penyakit mental (psikospiritual) dan spiritual yang kian meningkat dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini dilaksanakan di bawah pembiayaan Geran Bridging Insentif, 304.PHUMANITI6316384 Universiti Sains Malaysia dengan tajuk penyelidikan: Inventori dan Analisis Kandungan Ilmu Dalam Manuskrip Kitab Jawi di Pusat Manuskrip Negara.

Rujukan

- Che Zarrina Sa'ari (2007), "Pengajian Tasawuf di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia", Mohd Fauzi Hamat (peny.) *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam*, Kuala Lumpur: Penerbit Univertsiti Malaya, h. 73-94.
- Glenn Hardaker and Aishah Ahmad Sabki, (2019), *Pedagogy in Islamic Education*, Bingkley: Emerald Publishing Limited.
- Megawati Moris (2011), *al- Ghazali Influence on Malay Thinkers: a study of Syakh Abd Samad al-Palimbani*, Kuala Lumpur: Islamic and Strategic Studeis Institute Malaysia.
- Muhamad Isa al-Tirmizi (1975), *Sunan al-Tirmizi*, Kaherah: al-Maktabat al-Madani.
- Muhamad Ibn Majah (t.t), *Sunan Ibn Majah*, Beirut: al-Maktabah al-Ilmiyah.
- PNM. (1997-2015). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Shohana Hussin (2011), "Pengaruh pemikiran al-Ghazali dalam kitab *Hidayah al-Salikin* dan *Siyar al-Salikin* karangan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani", Zakaria Bahari (peny.) Pengurusan Ilmu Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. h. 21-40.
- Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, (t.t), *Siyar al-Salikin*, Jilid 1 – Jilid 4, Pulau Pinang: Maktabah Dar al-Maarif.
- _____, (2010), *Sairus Salikin* (Perjalanan Orang yang Salik Kepada Allah) Juz. 1- Juz 4, Ahmad Fahmi bin Zamzam (pentahqiq), Banjarbaru: Darussalam Yasin.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, (1991), *The Concept of Education In Islam: a framework for an Islamic philosophy of education*, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic

Thought and Civilisation, International Islamic University Malaysia.

_____, (2018), *Islam: The Concept of Religion and The Foundation of Ethics and Morality*, Kuala Lumpur: Ta'dib International.

Wan Muhammad Saghir Abdullah (1996), *Syeikh Abdus Shamad al-Palembani Ulama Sufi dan Jihad Dunia Melayu*, Kuala Lumpur: Khazanah Fhataniyah.